

## **Pemahaman ibubapa terhadap mesej kempen pendidikan amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan anak-anak semasa pandemik Covid-19**

### **ABSTRAK**

Pada tahun 2020 seluruh dunia telah terkesan dengan penularan wabak COVID-19, yang telah memberi kesan kepada semua sektor dan pembudayaan norma baharu juga turut diterapkan dalam kehidupan seharian. Rentetan daripada itu Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM telah mengeluarkan pelbagai informasi, pendidikan dan bahan komunikasi dalam bentuk media cetak dan elektronik kepada orang awam bagi memberi informasi, kesedaran, dan mendidik orang awam agar sentiasa peka dengan pembudayaan norma baharu. Kajian ini ingin melihat pemahaman ibubapa terhadap mesej kempen pendidikan amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan anak-anak semasa pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual mendalam ke atas 15 orang ibubapa secara persampelan bertujuan. Kemudian kajian ini menggunakan analisis tematik dengan memilih tiga tema utama iaitu Pengetahuan Kesihatan, Kemahiran Pengendalian Kesihatan dan Penentuan Kesihatan. Konsep Literasi Kesihatan (Health Literacy) menggariskan tiga tahap yang berbeza iaitu tahap pertama ialah fungsi literasi, tahap kedua literasi kesihatan interaktif, dan tahap ketiga adalah literasi kritikal di aplikasikan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa ibubapa mempunyai pemahaman yang mendalam terhadap pendidikan amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan yang telah di sarankan oleh KKM. Amalan 3S dan 3W sentiasa menjadi pegangang ibubapa dalam mendidik anak-anak agar sentiasa peka terhadap langkah-langkah pencegahan virus COVID-19. Ibubapa juga mempunyai literasi kesihatan yang tinggi dalam pencarian maklumat, menilai dan seterusnya mengaplikasikan maklumat dalam kehidupan seharian.